

652:
KILANG

ALOR SETAR, 27 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN KEDAH TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENARIK BALIK ATAU MEMBATALKAN LESEN KILANG PADI YANG DIKELUARKAN KEPADA PENGILANG MELAYU JIKA DIDAPATI MEREKA MEMAJAKANNYA KEPADA ORANG BUKAN MELAYU.

MENTERI BESAR, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN BERKATA HARI INI, ADA PULA SYARIKAT KERJASAMA TELAH MEMBERIKAN KILANG PADINYA UNTUK DIUSAHAKAN OLEH PENGILANG BUKAN MELAYU.

KATANYA PERBUATAN INI MERUPAKAN SATU PENGHALANG KEPADA USAHA KERAJAAN HENDAK MEMAJUKAN KAUM BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN SEJAJAR DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

KERAJAAN MENYEDIAKAN BERBAGAI KEMUDAHAN UNTUK MENGGALAKKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTRA MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM PENGENDALIAN KILANG-KILANG PADI DI NEGERI ITU.

BELIAU TELAH MERESMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PENGILANG-PENGILANG MELAYU NEGERI KEDAH DI PUSAT PELBAGAI GUNA DISINI.

SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED MENYERU RAMAI LAGI ORANG MELAYU MENCEBURKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN BERAS DAN PERKILANGAN PADI DI KEDAH. -- BERSAMBUNG 1920/AZ

653:

KILANG 2 ALOR SETAR

DR. MAHATHIR YANG MENJADI YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN MELAYU CAWANGAN NEGERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN MAJLIS CERAMAH PERSATUAN PENGILANG-PENGILANG PADI MELAYU KEDAH DI TEMPAT YANG SAMA, PAGI TADI.

SEMENTARA ITU, PENGARAH PENTADBIR LPN, ENCIK ISMAIL BIN SHAMSUDDIN, KETIKA BER CERAMAH DIMAJLIS TERSEBUT, BERKATA JUMLAH LESEN BERAS BORANG DAN RUNCIT SERTA LESEN MEMBELI PADI YANG DIKELUARKAN KEPADA BUMIPUTRA TELAH MENINGKAT SEJAK LPN DITUBUHKAN.

KATANYA, JUMLAH LESEN RUNCIT BERAS TELAH MENINGKAT DARI 1,500 KEPADA 3,681, LESEN MEMBELI PADI DARI 744 KEPADA 820 MANAKALA LESEN BORANG BERAS BERTAMBAH ANTARA 40 HINGGA 50 PERATUS.

SUNGGUHPUN LPN MENGELUARKAN LESEN-LESEN YANG BEGITU BANYAK KEPADA BUMIPUTRA, TETAPI PERNIAGAAN PADI DAN BERAS DI NEGARA INI MASIH LAGI DI TANGAN BUKAN BUMIPUTRA.

DASAR LPN SEKARANG IALAH UNTUK MEMPASTIKAN KAUM BUMIPUTRA MENGAMBIL PERANAN YANG LEBIH CERGAS DALAM BIDANG PERNIAGAAN TERSEBUT. -- BERNAMA 1938/AZ